

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 SEPTEMBER 2016

# Nalla dakwa Dr. Mahathir salah guna Akta ISA

UM = 22/9/2016

**KUALA LUMPUR 21 Sept.** - Tun Dr. Mahathir Mohamad digesa meminta maaf secara terbuka kepada Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan keluarganya serta penyokongnya yang pernah menjadi mangsa tindakan beliau.

Presiden Parti India Bersatu Malaysia (MUIP), Senator Tan Sri S. Nallakaruppan mendakwa, bekas Perdana Menteri itu telah menyebabkan penyokong-penyokong Anwar dipecat daripada parti atau kerajaan.

"Malah, saya sendiri pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) semasa pentadbiran Dr. Mahathir tanpa mengetahui sebab-sebabnya.

"Sekarang, saya sudah bebas, tetapi mampukah Dr. Mahathir menggantikan semula kredibiliti dan semua jawatan saya yang hilang?" katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat MUIP, di sini hari ini.

Beberapa pemimpin PKR termasuk Ketua Wanitanya, Zuraida Kamaruddin dan anak kedua Anwar, Nurul Nuha meminta Dr. Mahathir meminta maaf dan mengakui segala kesalahan

yang dilakukannya terhadap Penasihat PKR itu.

Nallakaruppan turut meminta Dr. Mahathir meminta maaf kepada rakyat, khususnya mereka yang pernah dikenakan tahanan di bawah ISA semasa beliau menjadi Perdana Menteri.

Beliau mendakwa, Dr. Mahathir telah menyalahgunakan akta tersebut untuk menahan musuh politiknya dan menyebabkan mereka serta keluarga menderita.

Nallakaruppan berpendapat, Anwar dan Dr. Mahathir tidak akan berbaik-baik walaupun kedua-duanya bersalaman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 September lalu.

"Mungkin Dr. Mahathir akan meminta maaf tetapi adakah keluarga Anwar ter-

utamanya anak-anaknya yang masih kecil semasa beliau ditahan dapat melupakan segala perbuatan Dr. Mahathir?" katanya.

Nallakaruppan berkata, beliau masih berbincang dengan peguamnya tentang kemungkinan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Dr. Mahathir.



S. NALLAKARUPPAN



MAHATHIR MOHAMAD